

19 DEC 1998

Mahathir-Pengarang (Bergambar)/I

PENGARANG BERITA DARI ASIA BARAT TEMUI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Sebelas pengarang berita dari negara-negara Asia Barat menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini hari ini.

Dalam pertemuan selama lebih satu jam itu, Dr Mahathir telah memberikan penerangan mengenai Malaysia dan keadaan politik dan ekonomi semasa kepada para pengarang berkenaan.

Para pengarang daripada pertubuhan berita terkemuka dari Jordan, Kuwait, Oman, Sudan, Syria dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) itu berada di sini untuk lawatan lima hari, atas jemputan kerajaan.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas pertemuan itu, Pengarang Khaleej Times dari UAE, Surendra Nihal Singh, berkata keadaan di Malaysia disalah tafsirkan oleh kebanyakan orang, terutama oleh Barat.

Beliau berkata langkah-langkah yang diperkenalkan Malaysia untuk memulihkan ekonomi sudah pasti terbukti tepat walaupun terdapat ketidakpastian yang dilahirkan oleh sesetengah pihak.

"Ada pihak yang mendakwa Malaysia tidak melaksanakan perkara yang betul tetapi lambat laun lebih ramai orang datang ke Malaysia, dan berkata bahawa negara ini melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya," katanya.

Bagi Ketua Pengarang Al-Shahid dari Sudan, Dr Khalid Tigani El-Nur, laporan negatif mengenai Malaysia dibuat oleh mereka yang iri hati yang berpendapat negara ini boleh terus berkembang di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

"Malaysia sudah menjadi model baru bagi dunia Islam selain negara-negara membangun," katanya.

Pengarang Ekonomi Agensi Berita Kuwait Muna Sheshtar berkata media barat, dalam laporan mereka, telah memberikan gambaran yang salah mengenai Malaysia.

"Saya akan memberitahu rakyat di negara saya mengenai apa yang sebenarnya berlaku di sini," katanya.

Nasser Salloom Abdallah Al-Harthy dari akhbar Times of Oman berkata Malaysia sememangnya dikenali oleh rakyat Oman terutama menerusi kereta Proton mereka.

Beliau berkata kereta Proton Wira sangat popular di Oman terutama di kalangan golongan muda.

Para pengarang itu akan kembali ke tanahair masing-masing esok.

Mereka telah melawat, antara lain, menara berkembar Petronas dan kilang Proton di Shah Alam.

Mereka juga menemui Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin, pengarang akhbar tempatan dan juga diberikan taklimat oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Bank Negara.

-- BERNAMA

RAZ AKD